

22/10/2001

Bush wajar terima nasihat Dr Mahathir

KRISIS Palestin-Israel sudah berlarutan terlalu lama. Sejarah melakarkan sejak Britain meluluskan Deklarasi Balfour bagi penubuhan sebuah penempatan untuk warga Yahudi di Palestin pada 2 November 1917, maka tiadalah lagi keamanan di Baitulmaqdis dan kawasan sekitarnya. Ini disusuli perisytiharan sebuah negara Israel pada 14 Mei 1948 yang mendorong Liga Arab mengisytiharkan perang terhadap negara berkenaan. Sebagai bangsa yang angkuh dan terlalu mementingkan diri, Israel kemudian mencerobohi Gaza dan Semenanjung Sinai pada 29 Oktober 1956 untuk memperluaskan wilayahnya tanpa berterima kasih atau insaf bahawa bangsa Yahudi sebelumnya langsung tidak bernegara kerana tiada negara Eropah yang mahukan mereka.

Sejak itu, pertumpahan darah sudah menjadi lumrah, dengan angka korban besar selalunya di pihak rakyat Palestin. Daripada pakatan ketenteraan Syria, Jordan dan Iraq yang menghantar bala tentera ke Sinai pada 5 Jun 1967, disusuli serangan balas Israel untuk menawan Gaza, Sinai, Baitulmaqdis Timur, Tebing Barat dan Bukit Golan dalam 'Perang Enam Hari', penyelesaian kepada persengketaan itu semakin hari semakin rumit. Meskipun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sudah memberi pengiktirafan terhadap hak rakyat Palestin untuk memiliki sebuah negara berdaulat pada 22 November 1974 lagi, ia sekadar mainan di bibir hingga ke hari ini sambil pergolakan berterusan tanpa henti.

Pernyataan bahawa keganasan antarabangsa tidak akan berakhir sekiranya krisis di Asia Barat belum tamat - sebagaimana disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Presiden George W Bush, sempena Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai kelmarin - adalah satu hakikat yang tidak dapat disangkal. Malah, negara Islam lain sejak sekian lama berkongsi pendirian yang sama. Cuma Amerika dan sekutunya yang melihatnya berbeza dan pendirian mereka mungkin tidak berubah jika tidak kerana serangan penganas yang meruntuhkan Pusat Dagangan Dunia (WTC) dan sebahagian Pentagon hingga mengorbankan kira-kira 5,000 orang 11 September lalu.

Di sebalik apa juga yang diperkatakan, serangan udara Amerika ke atas Afghanistan dan keganasan Israel terhadap Palestin sebenarnya tiada berbeza. Dalam kedua-dua keadaan, ia menyerlahkan sikap pembuli besar pada Amerika dan sekutu rapatnya, Israel, yang masing-masing memiliki kecanggihan senjata dan kekuatan ketenteraan sedangkan Afghanistan dan Palestin sebagai pihak yang diserang, tidak pun berdaya melawan. Namun, jika kekuatan diharap boleh membawa kepada sebarang bentuk penyelesaian, Amerika dan Israel nyata tersilap besar. Pejuang Taliban akan tetap berperang berbekalkan senjata lama, manakala rakyat Palestin sanggup terus membanting tulang empat kerat dalam menjayakan intifada.

Di antara pihak terbabit, penganas pula akan sentiasa memanfaatkan kesempatan untuk menuntut keadilan dengan cara mereka.

Amerika mungkin terlalu angkuh untuk menerima tunjuk ajar daripada sesiapa. Dalam pada itu, penjelasan Dr Mahathir mengenai bagaimana Malaysia menangani pemberontakan komunis dan menyelesaikan rasa tidak puas hati penduduk Cinanya, harus dapat memberikan sedikit iktibar. Kerana dalam memerangi penganas, Amerika sebagai kuasa besar tidak dapat mengetepikan perlunya rasa kecewa dan marah negara Islam ditangani sama. Apatah lagi sejak sekian lama, penindasan Israel terhadap rakyat Palestin, dianggap bukti kukuh Amerika bermusuhan dengan Islam. Selagi Washington

enggan bertindak memaksa Israel menghentikan pembunuhan rakyat Palestin, merampas tanah dan memusnahkan rumah mereka, selagi itulah keganasan tidak akan mudah dibendung.

(END)